

26 FEB 2000

KESEMUA BAHAGIAN UMNO KEDAH JANJI CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

SINTOK, 26 Feb (Bernama) -- Kesemua 15 bahagian Umno di Kedah akan mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi timbalan presiden bagi pemilihan parti Mei ini, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini.

Beliau berkata dalam pertemuannya dengan para pemimpin bahagian baru-baru ini, mereka berjanji untuk mencalonkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri atas persetujuan dua jawatan utama itu tidak patut dipertandingkan.

"Pemimpin Umno di negeri ini memperakui rekod cemerlang kepimpinan Dr Mahathir dan Abdullah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pengkisahan Sejarah Sintok - "Darurat di Kedah", di Universiti Utara Malaysia, di sini.

Beliau mengulas kemungkinan ada bahagian yang mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah untuk merebut satu daripada jawatan tertinggi parti pada perhimpunan agung Umno itu.

Syed Razak yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata Umno Kedah sering mengadakan perbincangan dalam meyakinkan pemimpin bahagian tentang rasional cadangan Majlis Tertinggi agar kedua-dua jawatan tertinggi itu tidak dipertandingkan.

-- BERNAMA

MZM RON